

→ BISNES

RHB perkasa pelan lima tahun

• Sedia RM200 juta laksana transformasi digital

oleh Nora Mahpar
noramahpar@nsp.com.my

RHB Bank Bhd (RHB) memperuntukkan perbelanjaan modal letak RM200 juta bagi tempoh tiga hingga lima tahun akan datang menerusi program transformasi digital dalam usahanya meningkatkan capaian pelanggan.

Pengarah Urusan Kumpulan, Datuk Khairussaleh Ramli, berkata menerusi inisiatif itu, RHB menggariskan tiga pelan strategik di bawah pelan lima tahunnya, iaitu 'Funding the Group Journey', 'Invest to Win' untuk tempoh jangka sederhana dan Transform the Organisation (FIT22).

Beliau berkata, menerusi strategi itu, kebolehpayaan digital menjadi keutamaan kumpulan dalam menawarkan perkhidmatan yang lebih cekap dan produktif, selain meningkatkan pengalaman berpusat pelanggan dan menambah baik ruang kerja kakitangan.

Menerusi inisiatif FIT22, Khairussaleh berkata, kumpulan akan terus mengukuhkan kehadirannya di Malaysia dengan menumpukan segmen sasaran iaitu perusahaan kecil dan sederhana (PKS) untuk terus berkembang serta mewujudkan ekosistem perniagaan berkait.

"Kumpulan menyasarkan peningkatan pendapatan sehingga 11.5 peratus menjelang 2022 menerusi pelbagai inisiatif yang dilancarkan," katanya pada sidang media di Kuala Lumpur, semalam.

Mengulas mengenai perniagaan di luar negara, Khairussaleh berkata, RHB akan mengukuhkan kehadirannya ketika ini di Singapura, Laos dan Kemboja dengan meneroka kerjasama strategik dengan syarikat tempatan.

"Kita tidak bercadang untuk mengembangkan perniagaan ke

negara lain... tetapi akan terus tumpu apa yang sudah ada untuk tingkatkan kepuasan pelanggan," katanya.

Beliau berkata, prospek sektor perbankan dijangka ikut dengan pemuliharan dalam pertumbuhan pinjaman teras disokong oleh permintaan kuah menerusi pemanfaatan perniagaan.

"Aktiviti pasaran modal juga dijangka berkembang pesat yang mana akan membantu menyokong pendagutan bukan faedah bank," katanya.

Komponen utama FIT22

Sementara itu, katanya, kebolehpayaan digital menerusi inisiatif AGILE@Scale dan pengalaman pelanggan adalah komponen utama dalam menyasarkan program FIT22.

"Kumpulan akan meningkatkan kadar penembusan dengan menghanggikkan penawaran portfolio produk dan penyelesaian inovatif," katanya.

Bagaimanapun, Khairussaleh berkata, pihaknya tidak bercadang untuk menambah jumlah cabangan dalam tempoh terdekat tetapi akan meningkatkan keupayaan

digital bagi setiap cawangannya di negara ini.

Terdahulu, beliau mengumumkan keuntungan bersih RHB bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 melonjak kepada RM1.95 bilion, meningkat 16 peratus berbanding RM1.68 bilion tempoh sama tahun sebelumnya.

Beliau berkata, peningkatan pendapatan itu dipacu oleh pendapatan pembiayaan bersih yang tinggi, pemurunan nilai dalam aset lain dan pendapatan pembiayaan bersih yang tinggi, yang sebahagiannya diimbangi pendapatan bukan berdasarkan dana lemah rendah, overhead dan penurunan nilai pinjaman lemah tinggi.

Beliau berkata, pendapatan berasaskan pembiayaan bersih meningkat 5.4 peratus kepada RM4.55 bilion tahun ke tahun disokong oleh peningkatan dalam pinjaman dan pengurusan kas pembiayaan yang berhemat.

Sementara itu, bagi tempoh suku keempat tahun kewangan 2017, pendapatan bersih kumpulan menyusut 5.9 peratus kepada RM460.1 juta berbanding RM488.8 juta direkodkan suku sebelumnya.



Menerusi inisiatif itu, RHB menggariskan tiga pelan strategik di bawah pelan lima tahunnya, iaitu 'Funding the Group Journey'; 'Invest to Win' untuk tempoh jangka sederhana dan Transform the Organisation (FIT22)

Khairussaleh Ramli,
Pengarah Urusan
Kumpulan RHB



Kerjasama Vinci Construction dan Universiti Malaya bina bakti bersama sang.

InvestKL galak kerjasama perkukuh jaringan industri



Md Riyadah Dahalan
Ketua Khidmat Pelabur, InvestKL

Bagi mereka yang pernah menjelajah kakit ke San Francisco, Amerika Syarikat pasti kagum dengan keunikan bandar raya itu yang bukan sahaja tersohor dengan hub syarikat teknologi gergasi seperti Apple dan Google tetapi menjadi medan untuk ribuan usahawan teknologi bertapak.

Persoalannya, bagaimana bandar raya itu mampu menjadi terkenal sedangkan seni bina bangunan milik San Francisco tidak seindah kota cinta, Paris malah infrastrukturnya tidak secanggih Tokyo atau Seoul.

Sebenarnya untuk mengelakkan daya sang dalam sebuah bandar raya, ia perlu melengkapkan ekosistemnya dengan jaringan penawaran dan perniagaan bakti berkualiti menarik penghasilan graduan seiring dengan kehendak industri.

Melalui cara itu, pelaburan berkualiti tinggi dapat ditarik masuk

dan kerjasama mampu diwujudkan demi memperkuatkan ekosistem bakti dan inovasi.

Universiti di San Francisco seperti Stanford antara yang menjadikan kolaborasi dengan syarikat teknologi yang lama bertapak sebagai faktor utama dalam mengembangkan kekuatan inovasi dan kualiti graduan.

Percambahan pemikiran antara dunia akademik dan industri diseimbangkan dengan cekap berikut struktur kerjasama yang diwujudkan sangat dinamik dan terancang.

Kuala Lumpur hab serantau

Dalam Malaysia, penekanan kepada kerjasama industri dan akademik bukan perkara baru kerana sejak pengenalan dasar perindustrian besar pada dekad 1980-an, kerajaan terus memberi perancangan dan galakkan terhadap kerjasama

antara universiti tempatan dan syarikat perindustrian.

Namun jika difikirkan menepati daya sang hari ini, kualiti kerjasama dan jaringan yang diwujudkan tidaklah begitu membentang. Ini berikut pelaburan yang ditarik masih berterikat perindustrian yang berintensifikasi buruh.

Tidak banyak industri yang berlirik kepada automasi berteknologi tinggi memandangkan dasar pengambilan buruh asing yang masih terbatas.

Kehanyaran pelaburan berdasarkan teknologi tinggi dan berkembangkan bakti bermitu tinggi kebanyakannya akan pergi ke negara jiran.

Sehubungan itu, InvestKL memainkan peranan penting dalam menarik multinasional global untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai hab berkualiti kolaborasi itu dapat menjadikan Kuala Lumpur sebagai hab bakti dan pelaburan berdaya sang-

Ciri hab serantau mewerdikan kualiti bakti yang tinggi. Tidak semasa multinasional yang mempunyai keputusan mahu bertapak di hab serantau di Kuala Lumpur kerana cukai, tetapi mereka akan tertarik dengan ekosistem sedia ada di sini.

Pelbagai usaha dilakukan InvestKL bagi menggalakkan dan mengkoordinasikan kerjasama berkualiti tinggi dalam meningkatkan mutu kerjasama sekali gus melahirkan bakti tempatan yang berjaya setaraf dunia.

Banyak kejayaan dicapai seperti kerjasama antara syarikat Perancis, Vinci Construction dengan Universiti Malaya serta antara China Railway Engineering bersama Universiti Tunku Abdul Rahman.

Hanya dengan meningkatkan kualiti kolaborasi itu dapat menjadikan Kuala Lumpur sebagai hab bakti dan pelaburan berdaya sang-